

PERKEMBANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DI MALAYSIA

Prof. Dato' Dr. Abdul Monir bin Yaacob
Universiti Islam Malaysia

PENDAHULUAN

Daripada penelitian yang dibuat kepada dokumen undang-undang yang diperbuat di zaman pemerintahan Inggeris, penubuhan Mahkamah Kadi dan bagi sesetengah negeri Mahkamah Mufti telah di institusi kan lebih awal dari penubuhan Majlis Agama Islam.¹ Ada yang berpendapat jawatan Mufti dan Kadi telah meluas diadakan seawal tahun 1830.²

Di zaman permulaan kemasukan Islam di Alam Melayu khususnya di negeri-negeri Melayu, Sultan dalam urusan agama lebih bergantung kepada orang alim atau yang dilantik sebagai kadi. Di antara Sultan yang selalu disebut dalam penulisan yang memberi perhatian berat terhadap perlaksanaan Hukum Syarak adalah Sultan Alaudin Riayat Shah dan Sultan Abd.al-Ghafur Muhaiyuddin Shah, Sultan Pahang, 1592 – 1614. Di negeri Terengganu pula adalah dalam pemerintah Sultan Baginda Umar dan Sultan Zainal Abidin III pada tahun 1837 dan 1881.³

Semasa pemerintahan Portugis dan Belanda tidak begitu ketara dari segi pentadbiran Islam di Melaka dan negeri-negeri Melayu. Apabila Inggeris bertapak di Malaya dan khususnya di negeri-negeri Melayu, pihak Inggeris dengan Perjanjian Pangkor 1874 telah meletakkan polisi tidak campur tangan dalam urusan agama dan adat. Negeri-negeri Melayu⁴ yang berada dalam naungan “British Protection” telah menerima “British Resident”. Setiap negara mempunyai undang-undang pentadbiran Hukum Syarak, undang-undang itu diperbuat dalam “State Council”. Pada peringkat ini tidak memperlihatkan adanya Majlis Agama Islam lagi, yang ditubuhkan adalah Mahkamah Kadi dan Kadi Besar. Keadaan yang sama berlaku kepada negara-negara Melayu lain.⁵

Dalam Qanun Law of Dato' Kota Star⁶ dalam bab IV, seksyen 10 menyatakan:

“The Kathi is King in question of religious Law”

Dalam Tembera, Dato' Seri Paduka Tuan (1078 H / 1667) menyatakan bahawa undang-undang dibuat atas muafakat dengan Dato' Kathi.⁷ Kuasa yang ada pada kathi ada dinyatakan;⁸

“Akan kebesarannya kathi itu, tatkala ia menjatuhkan hukum Allah ta’ala, maka raja menteri pun turut katanya.”

¹Lihat Enactment No. 9 / 1925, Negeri Kelantan

²Azizi Abdul Razak, “The Law in Malacca before and After Islam” (1980) dalam Tamadun Islam di Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, h. 37.

³Ibid., h. 32 & 36 - 37

⁴Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan

⁵Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor telah menerima “British Advisors”. Lihat Maxwell & Gibson 1924 *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, London.

⁶Undang-undang ini diperbuat pada zaman Sultan Rijaludalin Muhammad Shah.Winstedt.Rio, “Kedah Laws”.JMBRAS, Vol. VI. pt. 11, 1928 h. 24

⁷Ibid., h. 31

⁸Ibid ., h. 44

Dalam perkembangan Undang-undang Islam di negara-negara Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura) di peringkat permulaan tidak diperlihatkan kemunculan institusi Mufti dan Majlis Agama Islam. Ordinan Perkahwinan Islam 1880 ada memberi pengiktirafan kepada Kadi iaitu dalam Bahagian II Ordinan tersebut walaupun mempunyai kuasa yang terbatas. Setelah itu dikenali dengan Ordinan Orang Islam 1957. Hanya apabila diperbuat Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (AMLA) 1966, (Singapura) kedudukan Mufti diadakan dan Majlis Agama Islam ditubuhkan. Status Majlis adalah merupakan sebuah badan berkanun, dengan fungsi dan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Akta tersebut.

Apabila Negeri-negeri Melayu diletak di bawah naungan Inggeris (British Protection)⁹ berasaskan syarat-syarat perjanjian antara Raja-raja Melayu dengan Raja Inggeris.¹⁰ Treti-treti dengan Raja-raja Melayu ini memisahkan pentadbiran dengan agama. Maka bermulalah era Sultan bertindak atas nasihat “*British Resident*” kecuali dalam perkara agama Islam dan adat. “*The Sultan who is to rule, the Resident to advise, not that it is the Resident who is to rule and the Sultan who is fiat that rule.*”¹¹ Bagi tujuan itu telah ditubuhkan “*State Council*. ” Berikutan dengan itu kuasa Sultan dilaksanakan atas nama “*Ruler in Council*. ”

Dalam pentadbiran di negeri-negeri Melayu terdapat dua majlis iaitu “*Federal Council*” yang dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Inggeris dan Raja-raja Melayu sebagai ahli dan “*State Council*” yang mempunyai kuasa membuat peraturan dan undang-undang termasuk yang berkaitan dengan agama Islam dan perlantikan kadi dikeluarkan oleh “Majlis Raja-raja”.¹² Baginda Sultan adalah Ketua Agama Islam. Peraturan dan Undang-undang diadakan dalam bentuk yang sama seperti cukai tanah.

Jelas bahawa pada zaman itu belum lagi ditubuhkan Majlis Agama dan perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam diluluskan oleh Majlis Negeri. Dengan memasukkan kuasa sekular yang berfungsi untuk mengesahkan Undang-undang termasuk undang-undang yang berkaitan dengan agama Islam. Walaupun Sultan masih lagi kekal sebagai ketua agama dan bertindak sebagai khalifah di dunia, namun dalam soal-soal berkaitan dengan perundangan, baginda hanyalah “memberi perkenan sahaja.”¹³

Undang-undang Tubuh Kerajaan, negeri Johor 1892 adalah perlombagaan bertulis yang terawal pernah diadakan bagi negeri-negeri Melayu. Negeri Johor diiktiraf oleh Great Britain sebagai “negeri yang merdeka” dan Sultan yang memerintah pada tahun 1895 telah mengisyiharkan Perlombagaan bertulis bagi negeri Johor.¹⁴ Dalam perlombagaan ini ada menyatakan tentang Jemaah Majlis di Raja, akan tetapi tiada peruntukan tentang penubuhan Majlis Agama Islam, walaupun Perkara 57 ada membuat peruntukan tentang Islam agama bagi negeri Johor iaitu:

“Adalah yang dikatakan “agama negeri” bagi jajahan dan kerajaan Johor ini iaitu agama Islam maka yang demikian hendaklah agama Islam itu berpanjangan dan berkekalan

⁹Braddell R. (1931) *The Legal Status of the Malay States*, Malay Publishing House, Singapura, h. 10

¹⁰Hooker M.B. (1992). Undang-undang Islam di Asia Tenggara. DBP, Kuala Lumpur. h. 149

¹¹Braddell R, op.,cit. h. 11

¹²Ibid., h, 19

¹³Hooker M.B. op.,cit h. 150 - 151

¹⁴Ibid., h. 152

selama-lamanya menjadi dan diakui dan disebut “agama negeri” yakni tidaklah sekali-kali boleh sebarang agama lain dijadikan atau disebut agama negeri

PENUBUHAN MAJLIS

Dalam Perlembagaan Negeri-negeri terdapat peruntukan yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi negeri dan Sultan sebagai Ketua agama. Bagaimanapun tiada peruntukan dalam perlembagaan negeri bagi penubuhan Majlis Agama Islam. Terdapat beberapa pendapat tentang perubahan Majlis Agama Islam di negeri-negeri. Ada negeri ditubuhkan oleh Enakmen Negeri-negeri seperti *“Council of Religion and Malay Custom Enactment 1949”* Selangor dan Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, 1951. Enakmen ini ada membuat peruntukan tentang penubuhan Majlis dan kuasa-kuasa padanya. Enakmen-enakmen tersebut kemudiannya telah dimansuhkan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam yang diperbuat selepas itu.

Walaupun tidak ditubuhkan Majlis Agama Islam di peringkat awal penubuhan negeri-negeri Melayu Bersatu (*Federated Malay States*), yang nyata urusan hal ehwal agama Islam tetap di bawah kuasa Raja atau Sultan. Semestinya dalam pentadbiran agama, Sultan selaku ketua agama Islam mempunyai orang tertentu yang membantu dalam urusan agama seperti imam, kadi atau guru istana, dan bagi sesetengah negeri melantik *Shaikul Islam* atau Mufti seperti di Kelantan.

Ada pendapat menyatakan Majlis Agama Islam telah ditubuhkan seawal tahun 1915 iaitu Majlis Agama Islam Kelantan.¹⁵ Di Pahang, Majlis Agama Islam telah ditubuhkan pada tahun 1926 dan pada peringkat permulaannya dengan nama Majlis Anggota Islam Pahang dan kemudiannya ditukar kepada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dan kekal hingga ke hari ini. Al-Marhum Yang Amat Mulia Tengku Besar Sulieman adalah Yang Di Pertua Majlis yang pertama. Pada 8 Mei 1974, KeBawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibnu al-Marhum Sultan Abu Bakar Ritayattudin al-Muadzam Shah ditabah menaiki takhta kerajaan Negeri Pahang, selaku Ketua Agama. Baginda telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis. Pada 1hb November 1984, baginda telah melantik KeBawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang selaku Yang DiPertua Majlis dan kekal sehingga hari ini.¹⁶

Pada hari ini semua negeri dan Wilayah-wilayah Persekutuan telah menujuhkan Majlis Agama Islam masing-masing. Majlis Agama Islam Johor ditubuhkan pada tahun 1925, manakala Majlis Agama Islam Perlis, dan Majlis Agama Islam Selangor masing-masing pada tahun 1948, Majlis Agama Islam Terengganu dan Majlis Agama Islam Perak, masing-masing pada tahun 1949, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan pada tahun 1950 dan Majlis Agama Islam Kedah pada tahun 1952.¹⁷

¹⁵Zaini Nasohah (2012) Pentadbiran Undang-undang Islam Malaysia, UKM. h. 24.

¹⁶Laporan Tahunan 2013, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, h. 7

¹⁷Zaini Nasohah. op.cit., h. 24

STRUKTUR MAJLIS

Pada masa sekarang semua negeri/Wilayah Persekutuan telah mempunyai Undang-undang Pentadbiran Agama Islam masing-masing. Dalam Enakmen/Akta ini terdapat peruntukan yang menyatakan tentang Penubuhan Majlis, dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan fungsi, kuasa, keanggotaan dan perjalanan Majlis.

Di sini dibawa secara perbandingan fungsi Majlis Agama Islam sebelum di selaras di antara negeri-negeri. Sebagai contoh:

Dalam Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, 1982, Sek.5 mengenai dengan penubuhan Majlis.

“Maka dengan ini adalah ditubuhkan satu Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Negeri Pahang dan disebut dalam Bahasa Inggeris “Council of Religion of Islam and Malay Custom for the State of Pahang” dan kemudian daripada ini dirujukkan sebagai “Majlis” untuk menolong dan menasihatkan KeBawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam semua perkara mengenai Ugama Negeri dan Adat Resam Melayu Pahang.”

Dalam Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak negeri Melaka, 1959 (versi Jawi), sek. 4

“Maka hendaklah ada sebuah Majlis Agama Islam, Melaka yang dalam Bahasa Inggeris akan digelar “Council of Religion, Melaka” untuk menasihatkan Yang Di Pertua Agong didalam perkara-perkara yang berhubung dengan Agama Islam di dalam Negeri ini.”

Dalam Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan, 1960, Sek. 4

“Maka hendaklah ada sebuah Majlis Ugama Islam Negeri Sembilan yang dalam bahasa Inggeris akan digelar “Council of Religion, Negeri Sembilan” untuk membantu dan menasihatkan Yang diPertuan Besar didalam perkara-perkara berhubung dengan Ugama Islam didalam Negeri ini.”

Dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu, 1986, Sek. 5(1)

Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan ini menubuhkan sebuah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu untuk membantu dan menasihat Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam semua perkara berhubung dengan hal ehwal Agama Islam dan Adat Melayu amnya.

Pada dasarnya Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam yang lama menjelaskan tugas Majlis untuk menasihati Sultan / Yang Di Pertuan Agong dalam semua perkara berhubung dengan Ugama Islam dalam negeri masing-masing. Setiausaha Jabatan Agama hendaklah menjadi setiausaha Majlis kerana jawatannya.¹⁸

Bagaimanapun terdapat perubahan dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam yang terkini. Di antara perubahan yang jelas adalah membahagikan kuasa Majlis, dengan mengasingkan kuasa berkaitan dengan hukum syarak kepada Mufti dan pentadbiran keadilan kepada Mahkamah Syariyyah. Ini boleh dilihat dalam enakmen-enakmen negeri-negeri seperti contoh berikut:-

Dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Pahang 1991. Sek. 5(1)

“Majlis hendaklah membantu dan menasihati Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubung dengan agama Islam dan adat Resam Melayu, kecuali perkara yang berkaitan dengan Hukum Syarak dan yang berhubung dengan pentadbiran keadilan, setakat yang mengenai Negeri Pahang, dan dalam semua perkara tersebut hendaklah menjadi pihak berkuasa utama dalam negeri selepas Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam enakmen ini atau mana-mana enakmen yang berhubung dengan agama Islam.”

Dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam, Selangor 2003, Sek. 6

“Majlis hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubung dengan agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara Hukum Syarak dan yang berhubung dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama didalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.

Enakmen negeri-negeri yang berkuat kuasa sekarang, telah membuat peruntukan yang berbeza dengan peruntukan dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam yang lama yang tidak membataskan kuasa Majlis. Perubahan ini berlaku adalah atas pandangan yang diberikan oleh sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Allahyarham Tun Syed Naser Ismail.

Di antara usaha yang difikirkan boleh memperbaiki pentadbiran Islam adalah dengan mengadakan tiga pihak berkuasa bebas dalam perkara pentadbiran Islam iaitu Majlis Agama Islam, Mufti dan Mahkamah Syariyyah. Iaitu mengasingkan kuasa Majlis, Mufti dan Kehakiman atau Mahkamah Syariyyah.

Majlis masih menjadi badan tertinggi yang mengurus dan memberi nasihat dalam semua perkara mengenai pentadbiran agama Islam, kecuali perkara-perkara hukum Syarak dan kehakiman. Mufti akan mengurus semua perkara mengenai hukum syarak. Mahkamah dan pegawai kehakiman dan perundangan akan mengurus semua perkara kehakiman dan pengadilan.¹⁹ Secara amnya peranan dan tugas Majlis Agama Islam negeri-negeri adalah sama seperti yang diperuntukkan dalam enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing.

Apabila diperhatikan terdapat pelbagai nama yang digunakan oleh negeri-negeri bagi Majlis Agama Islam. Di antaranya ada yang menggunakan nama “Majlis Agama Islam” seperti Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Wilayah-wilayah Persekutuan, Johor, Sabah dan Sarawak, Majlis Agama dan Adat Melayu digunakan oleh Perak, Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu oleh Kelantan dan Terengganu; dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu oleh Pahang. Ada pula yang menggunakan secara berbeza bagi jawatan Pengerusi Majlis. Ada yang menggunakan Yang DiPertua Majlis seperti Pahang dan Terengganu. Semua ahli Majlis dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan baginda boleh membatalkan perlantikan mana-mana ahli Majlis. Bagi kebanyakan negeri, Pengarah Jabatan Agama adalah Setiausaha kepada Majlis. Bagaimanapun bagi sesetengah negeri seperti

¹⁹Ahmad Ibrahim (1997) Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia, IKIM, h. 112.

Pahang dan Negeri Sembilan tidak demikian, di mana Setiausaha Majlis dilantik oleh Sultan atas nasihat Majlis.

Individu yang menduduki kerusi Pengerusi Majlis Agama Islam di negeri-negeri berbeza. Ada negeri Yang DiPertua / Pengerusinya adalah Tengku Mahkota atau Raja Muda;²⁰ Ada negeri disandang oleh tokoh politik seperti Menteri, Menteri-Menteri Besar / Ketua Menteri / Exco Agama;²¹ ada negeri disandang oleh tokoh tempatan yang berwibawa dan mempunyai pengalaman luas dalam pentadbir seperti mantan Setiausaha Kerajaan / Ketua Pengarah Kementerian.²²

Dalam perkembangan terkini, terdapat pula di sesetengah negeri seperti Perak dan Wilayah Persekutuan jawatan “Ketua Pegawai Eksekutif” bagi Majlis, disamping Pengarah Jabatan Agama sebagai Setiausaha Majlis. Ada negeri di mana Pengarah Jabatan Agama adalah Ahli Majlis, dan tugas Setiausaha dilaksanakan oleh seorang pegawai lain. Di samping itu, terdapat jawatan Timbalan Yang DiPertua Majlis yang kelihatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.

Pada masa yang lepas Majlis Agama Islam terlibat dalam perlantikan hakim-hakim Mahkamah Kadi atau Mahkamah Syari^cyyah, dimana pada ketika itu Mufti adalah pengerusi Jawatankuasa Rayuan. Bahkan Fatwa juga perlu dipersetujui oleh Majlis.

Sek. 38 (1) Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, 1982 menyatakan:

“Sesiapapun boleh, dengan bersurat kepada Yang diPertua, meminta Majlis mengeluarkan Fatwa diatas apa-apa perkara berkenaan Ugama Islam”

Sek. 37(1) Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak 1960 Negeri Sembilan menyatakan:

“Seseorang boleh, dengan surat yang dialamat kepada Setiausaha, meminta Majlis mengeluarkan satu fatwa diatas sesuatu masalah Hukum Syarak...”

Dalam Undang-undang Pentadbiran yang terpakai sekarang, Majlis mempunyai peranan dalam penubuhan Mahkamah Syari^cyyah.²³ Begitu juga dengan perlantikan Ketua Hakim Syariah, Hakim Mahkamah Rayuan Syariyyah dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariyyah.²⁴ Perlantikan Ketua Pendakwa Syarie²⁵ adalah atas nasihat Majlis. Pihak yang berkuasa dalam perlantikan-perlantikan di atas adalah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Pada masa sekarang kuasa-kuasa dan fungsi Majlis Agama Islam negeri-negeri dinyatakan dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing. Identiti Majlis disisi Undang-undang dinyatakan sebagai contoh Pentadbiran Agama Islam, 2003 bagi negeri Selangor, dalam seksyen 5 undang-undang sek. 5

²⁰ Seperti Majlis Agama Islam Negeri Pahang dan negeri Perlis

²¹ Seperti Negeri Sembilan, Melaka dan Johor, Wilayah Persekutuan

²² Seperti di Selangor dan Perak

²³Enakmen Pentadbiran Agama Islam, 2003, Negeri Selangor, Sek. 55

²⁴Ibid., Sek. 56, 57 & 58

²⁵Ibid., Sek. 78 (1)

- 1) *Majlis hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan kekal turun temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan*
- 2) *Majlis boleh mendakwa dan didakwa dengan nama perbadanannya*
- 3) *Majlis boleh membuat kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati segala jenis harta alih dan tidak alih ...”*

Majlis juga boleh menu buhkan syarikat Sek. 9 (1)

“Majlis boleh dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia menu buhkan syarikat dibawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125) bagi menjalankan apa-apa aktiviti Majlis ..”

Dengan peruntukan-peruntukan itu membolehkan Majlis Agama Islam, sebagai sebuah perbadanan membuat kontrak yang tidak bertentangan dengan hukum syarak dan memiliki segala jenis harta alih dan tidak alih. Majlis juga boleh menu buhkan syarikat bagi menjalankan apa-apa aktiviti yang dibenarkan oleh undang-undang seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 7 Enakmen Pentadbiran Ugama Islam, 2003 Negeri Selangor.

Keanggotaan Majlis Agama Islam negeri-negeri tidak seragam. Sebagai contoh, Majlis Agama Islam Negeri Selangor (Sek. 11) adalah terdiri daripada:-

- a) *Pengerusi;*
- b) *Seorang Timbalan Pengerusi*
- c) *Lima orang anggota atas nama Jawatan

 - i). *Setiausaha Kerajaan Negeri*
 - ii). *Penasihat Undang-undang Negeri*
 - iii). *Pegawai Kewangan*
 - iv). *Mufti*
 - v). *Ketua Polis Negeri, dan**
- d) Tidak lebih daripada lapan anggota lain, sekurang-kurangnya lima daripada mereka hendaklah yang arif dalam hukum syarak²⁶

Tempoh bagi anggota yang dilantik di bawah perenggan 1 (d) hendaklah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Menteri Besar bagi apa-apa tempoh, tidak melebihi tiga tahun. Semua perlantikan hendaklah disiarkan dalam Warta.

Seksyen 16(1) menyatakan Pengarah Jabatan Agama Islam Seksyen hendaklah menjadi Setiausaha Majlis. Seksyen 27 pula menyatakan bahawa Majlis boleh melantik Jawatankuasa-jawatankuasa untuk membantunya dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya atau menjalankan kuasa-kuasanya. Dalam perkara mengenai dengan fatwa seksyen 48(1) menyatakan Majlis boleh, selepas menimbang teliti fatwa itu, membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapatkan perkenan bagi penyiaran fatwa itu dalam warta.

Dalam perkara berkaitan dengan Mahkamah Syariah, Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis boleh melalui pemberitahuan dalam warta menu buhkan Mahkamah-mahkamah Syariah bagi negeri Selangor. Begitu juga dalam perkara perlantikan Ketua

²⁶Dato' Abdul Monir Yaacob, ketika memegang jawatan Ketua Pengarah IKIM pernah dilantik sebagai ahli Majlis Agama Islam, Selangor bagi tempoh satu penggal, Oktober 2006– Disember 2008, dan sebagai ahli Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. November 1988 hingga kini.

Hakim Syarie,²⁷ perlantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, dan hakim Mahkamah Tinggi Syariah.²⁸

Semua Wang dan harta Baitulmal hendaklah terletak hak pada Majlis.²⁹ Majlis juga dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh membuat peraturan tentang pemungutan, pentadbiran dan pembahagian semua harta Baitulmal.³⁰ Kuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam adalah pada Majlis³¹, seksyen 87 (1) menyatakan:

“Majlis dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh membuat peraturan-peraturan untuk mengawal selia semua perkara yang berhubung dengan pungutan, pentadbiran dan pembahagian zakat dan Fitrah.”

Perkembangan yang berlaku di beberapa buah negeri, Majlis Agama Islam Negeri-negeri ada menubuhkan Pusat Kutipan atau Pusat Pungutan Zakat; seperti di Selangor iaitu Lembaga Zakat Selangor, Pahang, Pusat Kutipan Zakat, Wilayah Persekutuan, Pusat Pungutan Zakat. Pusat-pusat tersebut didaftar di bawah Akta Syarikat dan mempunyai Lembaga Pengarah. Dengan adanya agensi seperti itu, pungutan zakat lebih efektif dan berkesan dan telah berjaya meningkatkan kutipan zakat di negeri-negeri berkenaan. Di Selangor, lembaga ini diberi kuasa untuk melaksanakan tugas pengagihan hasil zakat di negeri tersebut; berbeza dengan negeri Pahang dan Wilayah Persekutuan. Pengagihan zakat di Pahang dilaksanakan oleh Majlis dan di Wilayah Persekutuan oleh Baitulmal yang ditadbir oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

Baitulmal MAWIP telah menyediakan pelbagai skim Bantuan Zakat dan permohonan boleh dibuat dengan berpandukan kepada “Buku Panduan Proses Permohonan Skim-skim Bantuan Zakat Baitulmal MAIWP. Dalam Buku Panduan tersebut terdapat 32 Skim bantuan.³² Begitu juga di Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, pengurusan zakat terletak di bawah Baitulmal yang menguruskan pengagihan zakat kepada Asnaf. Beberapa isu timbul dalam pengagihan zakat di negeri-negeri. Justeru beberapa negeri telah mengeluarkan pernyataan dan laporan agihan bagi menghapus kekeliruan tersebut.

Pada suatu ketika harta wakaf lebih tertumpu kepada tanah kubur dan pembangunan Masjid. Dengan status tersebut telah menimbulkan kerumitan untuk dibangunkan. Ada juga tanah wakaf yang mempunyai potensi untuk dibangunkan iaitu yang terletak di kawasan bandar seperti di Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Terdapat tanah wakaf yang telah dibangunkan seperti tanah wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy, yang dibangunkan Kompleks Bank Islam di Bandar Raya, Kuala Lumpur. Sepertimana dijelaskan Majlis adalah “pemegang amanah tunggal”³³ bagi semua jenis wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas yang terletak di bawah kuasa negeri masing-masing.

²⁷Enakmen Pentadbiran Agama Islam, Negeri Selangor 2003.Sek. 55.

²⁸Ibid., Sek. 56 (1); 57 (1) dan 58 (1)

²⁹Ibid., Sek. 81 (3)

³⁰Ibid., Sek 81 (5)

³¹Ibid., Sek. 86

³²Buku Panduan Proses Permohonan Skim-skim Bantuan Zakat Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

³³Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam, Pahang 1991. Sek.70; Enakmen Pentadbiran Agama Islam, Selangor 2003.Sek.89; Enakmen Pentadbiran Agama Islam Melaka 2002 Sek. 77

Walaupun wakaf disebut dalam senarai kuasa kerajaan negeri dan di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariyyah, akan tetapi oleh kerana wakaf ditubuhkan melalui surat amanah, perkara ini boleh dibawa ke Mahkamah Sivil. Lebih-lebih lagi jika tanah yang berkenaan tidak didaftar atas nama Majlis Agama Islam³⁴ seperti dalam kes *Commission of Religious Affairs, Terengganu lwn. Tengku Mariam*.³⁵ Dalam kes tersebut Mahkamah tidak terikat dengan fatwa Mufti yang memutuskan bahawa wakaf itu adalah sah mengikut hukum syarak. Bagaimanapun Mahkamah Tinggi memutuskan wakaf itu tidak sah kerana ia berpendapat dia terikat dengan keputusan Mahkamah Privy Council.

Dalam perkembangan terbaru untuk menambah aset wakaf maka di sesetengah negeri telah memperkenalkan dan menubuhkan Unit Wakaf seperti di Pahang iaitu dengan memperkenalkan saham wakaf Pahang yang dilancarkan pada 20 Disember 1998.³⁶ Di Selangor terdapat Perbadanan Wakaf Selangor, peringkat Persekutuan pula ada Jabatan Wakaf, Haji, Zakat dan Yayasan Wakaf Malaysia.

Majlis adalah pemegang amanah tunggal wakaf, nazar dan khirat.³⁷ Majlis juga menjadi pemegang amanah tunggal bagi Masjid dan tanah yang berkaitan dengannya.³⁸ Dalam kes *Majlis Agama Islam, Pulau Pinang lwn. Isa Abdul Halim*³⁹ terdapat tanah wakaf yang di atasnya telah didirikan masjid. Majlis Agama Islam menghujahkan perkara wakaf adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Permohonan itu ditolak oleh Mahkamah Tinggi dan di Mahkamah Agung dan diputuskan Mahkamah Syariah tidak ada bidang kuasa memberi injuksi yang dipohon kerana itu di dalam bidang kuasa Mahkamah Sivil. Kuasa-kuasa dan fungsi Majlis Agama Islam pada umumnya sama antara negeri-negeri di Malaysia. Bagi melicinkan tugas dan fungsi Majlis, telah ditubuhkan beberapa Jawatankuasa.⁴⁰

Majlis Agama Islam Negeri mempunyai sumber kewangan yang terbatas. Secara umumnya, punca pendapatan Majlis adalah harta wakaf, pelaburan, zakat dan sumbangan daripada kerajaan Negeri dan bagi Wilayah Persekutuan oleh kerajaan pusat.

MAJLIS KEBANGSAAN HAL EHWAL ISLAM

Boleh dikatakan tidak banyak penulisan yang menjelaskan tentang Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Sumber kuasa bagi penubuhan MKI adalah perkara 38(2)(b), Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Majlis Raja-Raja mempunyai kuasa menyelaras amalan dan upacara agama ke seluruh Persekutuan Malaysia. Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui Majlis Raja-Raja pada 17 Okt.1965 telah bersetuju menubuhkan satu badan penyelaras Hal Ehwal Islam seluruh Malaysia. Majlis dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Pada suatu ketika terdapat Majlis

³⁴ Ahmad Ibrahim, (1997) Pentadbiran Undang-undang Islam Malaysia, IKIM, Kuala Lumpur, h.87

³⁵ (1920) 1 MLJ. 222

³⁶ Laporan Tahunan 2013. Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. h. 85.

³⁷ Enakmen Pentadbiran Agama Islam, Selangor 2003.

³⁸ Ibid., Sek. 96 (1)

³⁹ (1992) 2 MLJ244

⁴⁰ Laporan Tahunan 2013, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, H. 12.

Perunding Islam yang telah dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Oleh kerana Majlis Perunding Islam telah tidak beroperasi lagi, maka huraihan akan tertumpu kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam sahaja.

Majlis ini ditubuhkan pada 1 Julai 1969 dengan perkenan Majlis Raja-raja Melayu, dengan nama Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam. Nama badan ini dipinda pada 17 Jun 1971 kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia setelah Sabah dan Sarawak menjadi sebahagian daripada Malaysia. Penglibatan Kerajaan Persekutuan dalam urusan Pentadbiran Hal Ehwal Islam bermula sejak penubuhan MKI pada 1 Julai 1969.

Pada peringkat awal penubuhan MKI, keanggotaannya adalah terdiri daripada wakil-wakil negeri iaitu ketua-ketua Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri. Mula pada tahun 1984, keanggotaan wakil negeri ialah Menteri Besar / Ketua Menteri / Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Islam dan bagi negeri yang Ketua Menterinya bukan beragama Islam. Amalan hari ini, Menteri Besar / Ketua Menteri sebagai ahli manakala Pengarah JAIN dijemput hadir.

Keanggotaan MKI sekarang hendaklah terdiri daripada orang yang beragama Islam. Komposisi adalah seperti berikut:

- i. Seorang Pengerusi yang dilantik oleh Majlis Raja-raja daripada nama-nama yang disyorkan oleh Perdana Menteri;
- ii. Seorang Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Majlis Raja-raja daripada nama-nama yang disyorkan oleh Perdana Menteri;
- iii. Wakil negeri-negeri iaitu tiap-tiap seorang mewakili satu-satu negeri yang dilantik oleh Raja Negeri itu dan bagi Negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dilantik oleh Yang di Pertuan Agong dengan dan bagi Negeri-negeri Sabah dan Sarawak dilantik oleh Yang diPertuan Agong dengan perakuan Yang Di Pertua Negeri dan Gabenor Negeri Sarawak setelah mendapat nasihat Majlis Ugama Islam bagi negeri masing-masing.⁴¹

Tempoh lantikan ahli adalah tidak lebih daripada tiga tahun dan layak dilantik semula.⁴² Setiausaha bagi Majlis dilantik oleh Majlis Raja-Raja atas pengesyoran Perdana Menteri.⁴³ Mesyuarat Majlis dipanggil oleh Pengerusi dan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tiga bulan.⁴⁴ Pada awal penubuhan MKI terdapat dua negeri yang tidak menyertainya iaitu Kedah dan Pahang. Kemudian itu negeri Johor menarik diri sebagai anggota Majlis pada 14 Jun 1983. Bagaimanapun negeri-negeri tersebut dijemput hadir dalam mesyuarat MKI.

Tugas-tugas Majlis ialah:⁴⁵

- a) Membincangkan, menimbang dan menguruskan apa-apa perkara yang dirujukkan kepada Majlis oleh Majlis Raja-raja, mana-mana kerajaan Negeri atau Majlis Ugama

⁴¹ Peraturan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Peraturan 1

⁴² Ibid. Peraturan 2

⁴³ Ibid. Peraturan 3

⁴⁴ Peraturan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Peraturan 1

⁴⁵ Ibid. Peraturan 6

Islam Negeri atau seseorang ahli Majlis, dengan tujuan hendak memberi nasihat atau pengesyoran.

- b) Memberi nasihat kepada Majlis Raja-raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran Ugama Islam dan pelajaran Ugama Islam, dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalak persamaan undang-undang atau pentadbiran.

Urusan Pentadbiran Majlis adalah terletak di Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri yang ditubuhkan pada tahun 1974 dan kini dikenali dengan JAKIM dan disyariatkan semua pegawai dan kakitangan yang menguruskan kerja-kerja pentadbiran Majlis hendaklah orang-orang yang beragama Islam.⁴⁶ Penubuhan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ada diperuntukkan dalam Peraturan II dengan menetapkan komposisi keahliannya. Tempoh Keahlian jawatankuasa ini adalah selama tempoh yang di perkenan oleh Majlis Raja-raja⁴⁷.

Peraturan 16 menyatakan tidak apa-apa jua perbuatan Majlis boleh menyentuh kedudukan, hak, kelebihan, kedaulatan, dan kuasa-kuasa yang ada pada Raja sebagai Ketua Ugama Islam dalam negaranya dan sebagaimana yang ada diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia dan dalam Perlembagaan bagi negerinya.⁴⁸

JAKIM telah menyelaras pengurusan Hal Ehwal Islam antara negeri-negeri dalam pelbagai bidang keagamaan meliputi aspek penggubalan dan penyeragaman undang-undang, pembangunan pendidikan, pembangunan keluarga dan sosial, pemantapan akidah, pembangunan fatwa, pengurusan dan pengimaranan Masjid, penyebaran dakwah, pembangunan muamalat dan pengurusan hal ehwal Islam.⁴⁹

Dengan adanya institusi seperti MKI dan JAKIM sebagai badan perlaksanaan dan pengurusan dapat memartabatkan *image* Islam di peringkat antarabangsa. Banyak Negara telah mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara yang boleh menjadi contoh terbaik dalam konteks pembangunan sebuah negara Islam. Bahkan ketika lawatan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil ke negara Arab Saudi, dan dalam satu Majlis untuk meraikan ketibaan oleh Timbalan Menteri Wakaf Arab Saudi, beliau menyatakan bahawa pengurusan dan pentadbiran di Malaysia sangat baik dan tiada apa-apa yang boleh disumbangkan lagi.

PENUTUP

Majlis Agama Islam adalah sebuah institusi agama yang terpenting dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam di negeri-negeri, termasuk Wilayah Persekutuan. Pada hari ini, setiap negeri di Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan mempunyai undang-undang yang membuat peruntukan tentang penubuhan, tugas dan fungsi dan kuasa-kuasa yang ada pada Majlis. Majlis mempunyai kuasa membuat peraturan dan kaedah bagi melicinkan pengurusan harian. Oleh kerana Majlis adalah sebuah “perbadanan” maka ia

⁴⁶Ibid., peraturan 15

⁴⁷Ibid., peraturan 13

⁴⁸Peraturan 17 menyatakan bahawa Peraturan Majlis tidak boleh dipinda melainkan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja.

⁴⁹Kertas Cadangan Memperkasa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) – JAKIM, h. 3.

boleh mendakwa dan didakwa. Kenyataan sememangnya Majlis diheret ke Mahkamah dalam beberapa pertikaian seperti kes yang terbaru tentang “penerimaan masuk seseorang peguam syarie di Wilayah Persekutuan, sama ada orang bukan Islam boleh diterima sebagai peguam syarie dan kes melibatkan tanah wakaf. Majlis juga telah memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan umat Islam. Majlis telah berjaya dalam membangunkan dan menyediakan pelbagai skim bantuan, di samping pembangunan tanah.

Di peringkat persekutuan, terdapat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan dianggotai oleh wakil-wakil dari negeri-negeri yang dilantik oleh Raja negeri berkenaan dan bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Sultan oleh Yang di Pertuan Agong. Majlis ini berperanan memberi nasihat kepada Majlis Raja-raja, kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran Ugama Islam dan pelajaran Ugama Islam. Bagi melaksanakannya, JAKIM adalah merupakan urus setia kepada Majlis ini. Bagaimanapun Majlis ini tidaklah boleh menyentuh hak, kelebihan, hak kedudukan dan kuasa-kuasa yang ada pada Raja sebagai Ketua Ugama Islam dalam negerinya.